LIEW KIM SWEE

lwn.

MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTAR ABDULLAH H
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-3-90]
5 OKTOBER 1990

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Permohonan habeas corpus - Keterangan afidavit - Perlembagaan Persekutuan Per 5(3), 155(b) - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(1), 11C, 11D, 14 - Beban pembuktian - Kajian semula kehakiman - Akta Rahsia Rasmi 1972 - Kanun Acara Jenayah s. 367 - Perhatian kehakiman mengenai amalan pihak berkuasa - Akta Tafsiran 1967, ss. 54(2).*

Pemohon telah membuat empat permohonan *habeas corpus* mencabar keesahan penahanannya di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta berkenaan"). Pemohon telah memberi dua alasan utama bagi mempertikai keesahan penahanan itu - pertama, penangkapan asal ke atasnya melanggar per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan, dan kedua, kehendak s. 10(2) Akta berkenaan telah tidak dipatuhi.

Diputuskan:

[1] Dalam semua kes *habeas corpus* beban untuk membuktikan penahanan seseorang itu sah adalah terletak pada pihak berkuasa yang menahan orang itu, iaitu dengan membuktikan bahawa setiap langkah yang ditetapkan oleh undang-undang telah dipatuhi sepenuhnya.

[2] Memandangkan bahawa ss. 11C dan 11D Akta berkenaan tidak lagi membenarkan kajian semula kehakiman terhadap keputusan Yang di-Pertuan Agong atau Menteri Dalam Negeri kecuali mengenai pematuhan prosedur, maka adalah penting bagi pihak berkuasa mempastikan afidavit-afidavit pegawai berkenaan menghuraikan setiap langkah yang telah diambil dalam urusan tangkapan dan penahanan.

[3] Keterangan dalam kes *habeas corpus* adalah dengan afidavit dan jika kandungan afidavit itu stereotaip dan tidak mencukupi untuk membuktikan pematuhan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang, maka walaupun pihak berkuasa mungkin mempunyai alasan yang baik dan munasabah untuk menahan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, Mahkamah terpaksa memerintahkan pembebasan orang tahanan itu.

[4] Mengenai dakwaan pemohon bahawa ia tidak dimaklumkan sebab-sebab ia ditangkap pada asalnya kerana ia tidak fasih dalam Bahasa Malaysia dan tidak faham apa yang diberitahu oleh pegawai polis yang menangkapnya, Mahkamah mendapati tidak ada apa-apa sebab yang munasabah bagi meragui penjelasan pegawai berkenaan bahawa sebenarnya ia telah memberitahu pemohon mengenai sebab-sebab pemohon ditangkap.

[5] Mahkamah boleh membuat perhatian kehakiman mengenai amalan pihak berkuasa menerangkan butir-butir terperinci dalam suratan-suratan berkenaan dalam bahasa ibunda seseorang tahanan atau dalam mana-mana bahasa atau loghat yang difahami walaupun tahanan berkenaan mungkin faham Bahasa Malaysia.

[6] Dengan tidak adanya keterangan dalam mana-mana afidavit yang menunjukkan pemohon tidak faham makluman yang diberi, Mahkamah berpuashati bahawa penangkapan pemohon tidak dibuktikan melanggar Per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah teratur dan sah.

[7] Mengenai dakwaan pemohon bahawa afidavit Setiausaha kepada Lembaga Penasihat tidak menyebutkan tarikh bila Yang di-Pertuan Agong mengesahkan perintah tahanan itu dan oleh itu ia melanggar s. 10(2) Akta berkenaan, Mahkamah menyatakan bahawa di segi undang-undang arahan Yang di-Pertuan Agong bukan menjadi prasyarat bagi keesahan sesuatu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri. Seksyen 10(2) Akta itu tidak mengandungi sebarang syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak dalam masa berpatutan untuk mengesahkan mana-mana perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuashati bahawa tidak ada sebarang perlanggaran dengan kehendak s. 10(2) Akta berkenaan. Oleh kerana soal tentang pematuhan kepada prosedur demikian tidak timbul, maka ia tidak boleh dijadikan satu asas pemohon *habeas corpus* ini.

[8] Mahkamah berpuashati bahawa penahanan pemohon adalah teratur dan sah, dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan atau Akta berkenaan.

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Rajoo s/o Ramasamy lwn. Inspector General of Police & Ors. [1990] 3 CLJ (Rep) 18, [1990] 1 CLJ (Rep) 256

Zakaria bin Jaafar lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors. [1989] 2 CLJ (Rep) 691

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(1), 10(2), 11C, 11C(1), 11D, 14
Offical Secrets Act 1972, s. 14
Criminal Procedure Code, s. 367
Interpretation Act 1967, s. 54(2)
Federal Constitution, art. 5(3)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh, T/n Karpal Singh & Co.
Bagi pihak penentang - Suriyadi bin Halim Omar, Peguam Kanan Persekutuan

PENGHAKIMAN

Mohtar Abdullah H:

Setelah mendengar empat permohonan-permohonan *habeas corpus*, termasuk permohonan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat komen am sedikit terhadap kualiti afidavit-afidavit yang dikemukakan bagi pihak responden dalam kes-kes ini. Pada pandangan saya sekiranya Penasihat Undang-undang/Peguam Persekutuan bagi pihak penentang adalah lebih teliti lagi dalam menyediakan dan menyemak kandungan afidavit yang difailkan ke Mahkamah untuk menunjukkan bahawa semua prosedur yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (kemudian ini disebutkan "Akta ini") telah dipatuhi, saya yakin banyak dari masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa di dalam Mahkamah tidak mungkin timbul. Adalah menjadi prinsip asas dalam kes-kes *habeas corpus* bahawa beban untuk membuktikan penahanan seseorang itu sah adalah terletak di bahu pihak berkuasa yang menahan orang itu. Pihak berkuasa yang menahan seseorang hendaklah menunjukkan bahawa ia telah mematuhi setiap langkah yang diperuntukkan oleh undang-undang dengan teliti dan teratur, dan pihak berkuasa berkenaan gagal menunjukkan bahawa prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang dipatuhi sepenuhnya, maka Mahkamah tidak akan membenarkan penahanan itu berlanjutan. Memandangkan kepada peruntukan ss. 11C dan 11D Akta ini yang tidak lagi membenarkan kajian semula kehakiman (judicial review) terhadap keputusan Yang di-Pertuan

Agong atau Menteri Dalam Negeri, kecuali mengenai pematuhan dengan kehendak prosedur, maka adalah amat penting bagi Penasihat Undang-undang pihak penentang (juga sebagai pegawai Mahkamah) memastikan bahawa afidavit-afidavit pegawai-pegawai tertentu menghuraikan setiap langkah yang mereka masing-masing ambil dalam proses tangkapan dan penahanan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Afidavit-afidavit yang stereotaip dan ringkas mungkin tidak lagi memadai untuk membantu Mahkamah membuat keputusan yang wajar. Tertakluk kepada larangan-larangan di dalam Akta Rahsia Rasmi dan s. 14 Akta ini, pihak pemohon juga berhak mendapat selengkap-lengkapnya maklumat yang diperlukan untuk menjawab kes pihak responden. Keterangan dalam kes-kes *habeas corpus* adalah dengan afidavit-afidavit, dan jika kandungan afidavit-afidavit tidak mencukupi untuk membuktikan pematuhan kepada kehendak prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang, maka walaupun pihak berkuasa mungkin mempunyai alasan yang baik dan munasabah untuk menahan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, Mahkamah akan terpaksa memerintahkan pembebasan orang tahanan itu.

Walau bagaimanapun di dalam kes ini, saya dapati meskipun beberapa afidavit bagi pihak responden terlalu ringkas, tetapi pada kesuluruhannya keterangan yang dikemukakan adalah mencukupi untuk Mahkamah memutuskan isu-isu yang telah ditimbulkan.

Di dalam permohonan ini, Encik Karpal Singh mengutarakan beberapa alasan bagi mempertikaikan keesahan penahanan pemohon di bawah Akta ini.

Alasan Pertama: Bahawa penangkapan asal pemohon adalah melanggar peruntukan per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Permohonan *habeas corpus* ini adalah disokong dengan afidavit (Kandungan 1A) oleh Encik Liew Kim Swee (seorang abang atau adik lelaki pemohon - tidak jelas mana satu, hanya disebutkan "brother" sahaja). Di dalam perenggan ketujuh afidavitnya, Encik Liew Kim Swee mendakwa seperti berikut:

> The applicant was not informed of the grounds for his initial arrest in contravention of the provisions of Article 5(3) of the Federal Constitution.

Bagi menjawab dakwaan bahawa pemohon tidak dimaklumkan mengenai sebab-sebab dia ditangkap pada asalnya, pihak penentang telah mengemukakan afidavit Inspektor Abdul Wahab bin Haji Yaacob (Kandungan 3). Pemohon telah ditangkap oleh Inspektor Abdul Wahab pada jam 4.15 pagi di rumah No.8 dalam Burung Tuar, Bukit Maluri,Kepong, Kuala Lumpur pada 24 September 1989. Dalam perenggan ketiga afidavitnya, Inspektor Abdul Wahab mengesahkan bahawa setelah dia menangkap pemohon dia telah memberitahu pemohon secara lisan sebab-sebab penangkapannya, seperti berikut:

> Bahawa kamu ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencehagan Khas) 1985 kerana kamu telah terlibat dalam akitiviti berhubungan dengan penglibatan dadah berbahaya, dan adalah perlu bagi kepentingan awam kamu ditahan.

Dalam hujahnya, Encik Karpal Singh berkata bahawa pemohon tidak fasih dalam Bahasa Malaysia dan tidak faham apa yang diberitahu oleh Inspektor Abdul Wahab ketika pemohon ditangkap. Oleh itu, pemohon tidaklah boleh dikatakan telah dimaklumkan mengenai sebab-sebab penangkapannya itu. Dengan demikian, penangkapan asal ini adalah melanggar peruntukan per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk menyokong hujahnya, Encik Karpal Singh telah merujuk kepada Perintah Tahanan bertarikh 27 November 1989, dalam mana dinyatakan, di muka surat kedua, bahawa isi kandungan suratan-suratan berikut telah diterangkan kepada pemohon dalam bahasa/loghat

Hokkien, iaitu:

(a) Perintah Tahanan

(b) Pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah Tahanan dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan diasaskan;

(c) Notis tentang hak pemohon membuat representasi-representasi (rayuan) terhadap Perintah Tahanan tersebut kepada Lembaga Penasihat; dan

(d) Borang I untuk membolehkan pemohon mengemukakan representasi-representasi (rayuan) terhadap Perintah Tahanan tersebut kepada Lembaga Penasihat.

Ini, kata Encik Karpal Singh, menunjukkan bahawa pemohon tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Itulah sebabnya keempat-empat suratan tersebut terpaksa diterangkan kepada pemohon dalam bahasa/loghat Hokkien.

Di peringkat ini saya ingin menekankan bahawa afidavit Encik Liew Kim Swee tidak sedikitpun mengutarakan isu bahawa pemohon tidak fasih atau tidak memahami Bahasa Malaysia. Walaupun s. 367 Kanun Prosedur Jenayah membenarkan orang lain membuat afidavit bagi pihak pemohon dalam keadaan-keadaan tertentu, namun kandungan afidavit orang lain itu hendaklah mengandungi perkara yang benar-benar dalam pengetahuannya. Apa yang diadakan dalam perenggan ketujuh afidavit deponen ini ialah bahawasanya pemohon tidak diberitahu mengenai sebab-sebab dia ditangkap. Inspektor Abdul Wahab, dalam afidavitnya, telahpun menjawab pengaduan ini. Saya dapati tidak ada apa-apa sebab yang munasabah bagi saya meragui penjelasan Inspektor Abdul Wahab bahawa sebenarnya dia telah memberitahu pemohon mengenai sebab-sebab pemohon ditangkap dalam gaya dan dengan perkataan-perkataan yang disebut di dalam afidavitnya.

Soal pemohon tidak memahami pemberitahuan atau percakapan Inspektor Abdul Wahab hanya ditimbulkan semasa Encik Karpal Singh berhujah dalam Mahkamah. Hujah ini tidak diasaskan di atas mana-mana kenyataan di dalam afidavit Encik Liew Kim Swee ataupun di dalam afidavit Encik Karpal Singh sendiri (Kandungan 13). Pihak pemohon tidak mengemukakan afidavit tambahan bagi menjawab afidavit Inspektor Abdul Wahab dan menjelaskan bahawa sebenarnya pemohon tidak memahami Bahasa Malaysia atau tidak memahami apa yang dikatakan oleh Inspektor Abdul Wahab ketika pemohon ditangkap olehnya. Hakikat bahawa isi kandungan keempat-empat suratan dalam Bahasa Malaysia telahpun diterangkan kepada pemohon dalam loghat Hokkien tidaklah *ipso facto*, secara logika atau otomatis, bermakna bahawa pemohon tidak memahami Bahasa Malaysia. Dari pengalaman saya (kini sebagai seorang Hakim mendengar kes-kes *habeas corpus* dan dahulu juga Peguam Kanan Persekutuan mengendalikan kes-kes yang serupa), saya dapatlah membuat perhatian kehakiman mengenai amalan pihak berkuasa berkenaan menerangkan butir-butir terperinci di dalam suratan-suratan tersebut dalam bahasa ibunda seseorang tahanan atau dalam mana-mana bahasa/loghat yang difahaminya walaupun tahanan tersebut mungkin faham Bahasa Malaysia. Perlembagaan Persekutuan mensyaratkan supaya seseorang yang ditangkap hendaklah dimaklumkan mengenai sebab-sebab dia ditangkap. Dengan adanya keterangan bahawa Inspektor Abdul Wahab telah memaklumkan sedemikian kepada pemohon dan dengan tidak adanya keterangan dalam mana-mana afidavit yang menunjukkan bahawa pemohon tidak faham makluman yang diberi itu, maka saya berpuashati bahawa penangkapan pemohon tidaklah dibuktikan melanggar Per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Saya berpuashati bahawa penangkapan pemohon di bawah s. 3(1) Akta ini adalah teratur dan sah. Oleh itu, alasan pertama pemohon tidak boleh diterima.

Alasan Kedua - Bahawa kehendak-kehendak s. 10(2) Akta ini tidak dipatuhi.

Isu ini pada asalnya tidak ditimbulkan di dalam afidavit Encik Liew Kim Swee. Walau bagaimanapun, pihak penentang mengemukakan satu afidavit oleh Encik Khalid bin Ahmad, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Mengikut perenggan 3 afidavit ini, representasi oleh pemohon terhadap Perintah Tahanannya telah diterima oleh Lembaga Penasihat pada 6 Disember 1989. Kes pemohon telah didengar pada 17 dan 22 Januari 1990 dan Lembaga Penasihat telah membuat syor kepada Yang DiPertuan Agong. Baginda telahpun mengesahkan Perintah Tahanan terhadap pemohon.

Apa yang dipertikaikan oleh Encik Karpal Singh ialah bahawasanya afidavit Encik Khalid tidak menyebutkan tarikh bila Yang di-Pertuan Agong mengesahkan perintah tahanan itu. Oleh itu, katanya, kehendak s. 10(2) Akta 316 tidak dipatuhi oleh pihak penentang. Seksyen 10(2) memperuntukkan:

> Apabila menimbang syor-syor Lembaga Penasihat di bawah seksyen ini, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi Menteri arahan-arahan, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya patut mengenai perintah yang dibuat oleh Menteri dan setiap keputusan Yang di-Pertuan Agong adalah, tertakluk kepada s. 11 muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Encik Karpal Singh menghujahkan bahawa jika suatu arahan diberi oleh Yang di-Pertuan Agong (misalnya, pengesahan Perintah Tahanan), arahan itu hendaklah dibuat dalam masa yang berpatutan memandangkan bahawa s. 10(2) Akta ini adalah senyap mengenai tempoh masa dalam mana arahan itu sepatutnya diberi. Seksyen 54(2) Akta Interpretasi, 1967 memperuntukkan jika tiada masa ditentukan dalam mana sesuatu perkara perlu dilakukan, maka perkara itu hendaklah dilakukan dengan seberapa cepat yang mungkin. Oleh itu, hujahnya lagi, adalah tersirat (implied) di dalam s. 10(2) Akta ini bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak memberi arahan Baginda dalam masa yang berpatutan.

Isu yang sama juga dijadikan salah satu perkara yang ditimbulkan di dalam kes *Rajoo s/o Ramasamy lwn, Inspector General of Police & Ors.* [1990] 3 CLJ (Rep) 18. Di dalam ini Yang Arif Hakim Datuk Edgar Joseph Jr. J, berpendapat:

> I agree that a decision of the Yang di-Pertuan Agong under section 10(2) of the Act agreeing with the recommendations of the Advisory Board must be made within a reasonable time.

Walau bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan-keadaan kes itu, beliau memutuskan bahawa tidak ada sebarang ketidakpatuhan dengan kehendak seksyen berkenaan. Rayuan kes ini di Mahkamah Agong (dilaporkan dalam [1990] 1 CLJ (Rep) 256) telah diputuskan di atas isu yang lain.

Dengan hormatnya, saya tidak dapat bersetuju dengan pandangan Hakim yang bijaksana itu. Soal Yang di-Pertuan Agong diperlukan bertindak dalam masa berpatutan di bawah s. 10(2) Akta ini tidaklah timbul kerana kepuasan Yang di-Pertuan Agong bukanlah menjadi prasyarat bagi keesahan perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 6(1) Akta ini. Di dalam kes *Zakaria bin Jaafar lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors.* [1989] 2 CLJ (Rep) 691, Encik Khalid bin Ahmad telah membuat kenyataan yang serupa di dalam afidavitnya. Pihak pemohon menghujahkannya bahawa kenyataan Encik Khalid ini adalah 'hearsay' dan oleh kerana itu tidaklah ada sebarang keterangan untuk menunjukkan arahan Yang di-Pertuan Agong mengesahkan Perintah Tahanan berkenaan telah diberikan kepada Menteri. Dalam kes itu, saya telah memutuskan:

> Under the Act the Yang di-Pertuan Agong's satisfaction is not a precondition to the Minister making a valid Detention Order. Section 10(2) provides that on receipt of the Advisory Board's report, the Yang di-Pertuan Agong may, in his discretion, give any direction, if he thinks fit,

to the Minister. If the Detention Order by the Minister is invalid, even the confirmation of it by the Yang DiPertuan Agong will not save it. (See *Re Tan Boon Liat @ Allen & Anor*). In the present cases, the fact that the Detention Orders were extended would imply their confirmation by the Yang di-Pertuan Agong. In the spirit of Article 155(b) of the Constitution, if the Yang di-Pertuan Agong has not so confirmed the orders, the applicants would not continue to be detained under the Act. The confirmation of the Detention Order against each applicant is therefore not a crucial issue in the present *habeas corpus* proceedings, and Encik Khalid's statement on this point is quite unnecessary to the determination of the validity of the Detention Orders. Whether it is admissible or not, it does neither add to nor detract from the validity of the Detention Order issued by the Minister. I hold that this ground is without merit.

Pemohon-pemohon dalam kes itu yang pada mulanya merayu kepada Mahkamah Agong telahpun menarik balik rayuan-rayuan mereka. Pada pandangan saya, oleh kerana arahan Yang di-Pertuan Agong bukan menjadi pensyarat bagi keesahan sesuatu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri, maka soal berikutan sama ada Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak dalam masa berpatutan untuk memberi arahannya itu kepada Menteri tidak juga timbul.

Saya berpuashati bahawa s. 10(2) Akta ini tidaklah mengandungi sebarang syarat, samada nyata atau tersirat, bahawa Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak dalam masa berpatutan dalam mengesahkan mana-mana Perintah Tahanan yang dibuat oleh Menteri. Saya juga berpuashati bahawa tidak ada sebarang pelanggaran dengan kehendak s. 10(2) Akta ini. Andainya, jika kita menganggap sebaliknya bahawa syarat ini adalah tersirat dalam seksyen 10(2), hakikat yang nyata sekali ialah bahawasanya tidak ada sebarang prosedur pun telah ditetapkan bagaimana Yang di-Pertuan Agong perlu menyampaikan arahannya kepada Menteri. Dengan lain perkataan, tidak ada sebarang kehendak prosedur di dalam Akta ini yang menentukan bagaimana budibicara atau arahan Yang di-Pertuan Agong itu patut dijalankan. Oleh itu soal tentang pematuhan kepada kehendak prosedur yang tidak wujud tidaklah timbul dan tidaklah boleh menjadi satu asas bagi permohonan *habeas corpus* dalam kes ini:

Seksyen 11C(1) Akta ini memperuntukkan:

> Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah atau dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budibicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu.

Oleh yang demikian, alasan kedua pemohon juga tidak dapat diterima.

Pada mulanya, pemohon telah mempersoalkan alasan-alasan yang disebutkan di dalam perintah tahanannya. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan s. 11C Akta ini, Encik Karpal Singh dengan bijaknya telah menggugurkan bantahan-bantahan itu.

Setelah mengkaji segala afidavit dan hujah oleh kedua-dua pihak pemohon dan penentang, saya berpuashati bahawa penahanan pemohon adalah teratur dan sah, dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Akta ini.

Oleh itu permohonan itu adalah ditolak

Also found at [1991] 1 CLJ 53